

---

## SIARAN MEDIA

### **PELANTIKAN PENGERUSI DAN AHLI SURUHANJAYA MyCC YANG BARU**

**KUALA LUMPUR, 28 SEPTEMBER 2018** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengumumkan pelantikan Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus sebagai Pengerusi Suruhanjaya dan Dato' Ir. Hj. Mohd Jamal Sulaiman sebagai Ahli Suruhanjaya yang baru.

Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus yang berkelulusan undang-undang daripada Universiti London adalah bekas Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia dan telah berkhidmat sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Agung, Peguam Kanan Persekutuan dan Presiden Mahkamah Sesyen. Beliau yang mempunyai pengalaman selama hampir 45 tahun dalam bidang perundangan, turut memiliki kelulusan dalam bidang timbangtara komersial antarabangsa daripada Chartered Institute of Arbitrators, United Kingdom. Sepanjang perkhidmatan beliau di Mahkamah Tinggi, beliau telah menulis lebih daripada 750 penghakiman yang dilaporkan di dalam jurnal undang-undang.

Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus juga pernah berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang kepada Kementerian Perusahaan Utama dan menjadi jurucakap kepada negara-negara pengeluar getah sewaktu Rundingan Perjanjian Getah Asli di Switzerland. Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus turut pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Perwakilan untuk International Bar Association's Human Right Institute (IBAHRI) ke Afrika Selatan sebelum menjadi Penimbangtara di Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia juga telah melantik Dato' Ir. Hj. Mohd Jamal Sulaiman, sebagai Ahli Suruhanjaya. Beliau yang berkelulusan dalam bidang kejuruteraan awam daripada Universiti Salford, United Kingdom, pernah berkhidmat sebagai Pengarah Kanan di Jabatan Kerja Raya Malaysia.

Pengalaman dan pengetahuan luas beliau di dalam merancang dan melaksanakan projek pembangunan dapat membantu Suruhanjaya dalam mengenalpasti elemen-elemen amalan anti persaingan di dalam projek – projek pembangunan di Malaysia.

Mengikut Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (AP 2010), pelantikan Pengerusi dan Ahli Suruhanjaya dibuat oleh Perdana Menteri berdasarkan nasihat yang diberikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang ditubuhkan mengikut Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 merupakan sebuah badan bebas yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan AP 2010 dengan matlamat untuk menggalakkan persaingan yang lebih sihat bagi kepentingan perniagaan, pengguna dan ekonomi negara. Suruhanjaya melalui mandat di bawah AP 2010, bertanggungjawab bagi menguatkuasakan Akta berkenaan, mengeluarkan garis panduan, menjalankan kajian pasaran serta menjalankan advokasi dengan mendidik orang awam mengenai manfaat persaingan kepada pengguna dan juga ekonomi Malaysia.

--tamat--

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Noorliza Abdul Latiff, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [noorliza@mycc.gov.my](mailto:noorliza@mycc.gov.my)

**Bahagian Komunikasi Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia**

## **Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Suruhanjaya Persaingan)**

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan Suruhanjaya Persaingan, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

**Nota Untuk Pengarang:**

**Seksyen 5, Keanggotaan Suruhanjaya, Akta Suruhanjaya Persaingan 2010**

5. (1) Suruhanjaya hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Perdana Menteri atas syor Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) empat orang anggota yang mewakili Kerajaan, seorang daripadanya hendaklah wakil Kementerian yang pada masa ini bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berkenaan dengan perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna; dan
- (c) tidak kurang daripada tiga tetapi tidak lebih daripada lima orang anggota lain, yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan perniagaan, industri, perdagangan, undang-undang, ekonomi, pentadbiran awam, persaingan, perlindungan pengguna atau apa-apa kelayakan lain yang sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Pelantikan anggota Suruhanjaya hendaklah disiarkan dalam Warta.